

16 SEP 1999

Mahathir-BN

ANGGAP SEMUA CALON PARTI KOMPONEN SEBAGAI CALON BN, KATA MAHATHIR

LABUAN, 16 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata semua parti komponen Barisan Nasional (BN) hendaklah menganggap calon daripada mana-mana parti komponen pada pilihan raya sebagai calon BN.

Menurut Perdana Menteri ini penting bagi memastikan BN sentiasa tolong-menolong antara satu sama lain untuk mencapai kemenangan besar pada pilihan raya umum kelak.

"Yang penting ialah kita selalu tolong-menolong antara parti dan anggap semua calon sebagai calon BN, bukan calon mana-mana parti... dan kita tentukan BN dapat kemenangan," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan kira-kira 200 pemimpin parti komponen BN di sini.

Parti-parti komponen BN di Wilayah Persekutuan Labuan ialah UMNO, MCA, Gerakan, MIC dan Parti Maju Sabah (SAPP).

Dr Mahathir juga berkata pakatan parti-parti pembangkang tidak mempunyai sebarang agenda untuk memajukan negara dan ia ditubuhkan semata-mata untuk bertanding dalam pilihan raya.

Katanya apa yang dibuat oleh parti pembangkang ialah untuk menjadikan rakyat benci kepada BN dan kepada beliau (Dr Mahathir), dan mengundi mereka.

"Mereka sendiri (pembangkang) tiada satu yang boleh mereka buat yang mendatangkan manfaat kepada pengundi yang mengundi mereka," katanya.

Mengenai kefahaman para pengundi di Labuan terhadap penerangan yang diberikannya, Dr Mahathir berkata beliau yakin penduduk Labuan telah lama yakin tentang kebenaran dan yakin juga dengan Kerajaan Pusat dan apa yang boleh dilakukan oleh BN dalam memerintah negara.

"Saya yakin mereka di sini memang kuat menyokong BN tetapi saya anggap perlu bagi saya memberi penerangan," katanya.

Mengenai persiapan jentera BN di Labuan dalam menghadapi pilihan raya Dr Mahathir berkata; "Mereka sudah bersiap sedia... boleh bertanding bila-bila masa."

-- BERNAMA

MT NMO